

107
NO. SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10352

SOALAN:

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa buku terlaris di peringkat antarabangsa, *Islam Without Extremes: A Muslim Case for Liberty* oleh Mustafa Akyol diharamkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

'Islam Without Extremes: A Muslim Case for Liberty' oleh Mustafa Akyol seorang karyawan Turki telah dikenakan tindakan Perintah Larangan di bawah Perintah Mesin Cetak dan Penerbitan (Kawalan Hasil Penerbitan Tidak Diingini) (No. 31) 2017 mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 2017. Tindakan pewartaan ini telah dibuat pada 28 September 2017 kerana memudaratkan kepentingan dan ketenteraman awam malah ditegah pengedarannya di seluruh Malaysia.

Penerbitan ini didapati mengandungi bahan-bahan, maklumat, fahaman fanatik, kritikan dan celaan keterlaluan yang boleh menyeleweng serta mempersendakan agama Islam sebagai agama rasmi dan agama-agama lain yang dipraktikkan di Malaysia serta berkecenderungan menyebarkan ajaran salah yang boleh memudaratkan ketenteraman awam.

Berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (AMCP 1984), Menteri Dalam Negeri boleh mengenakan perintah larangan (pengharaman) terhadap apa-apa hasil penerbitan jika didapati kandungannya mengandungi mana-mana 7 elemen seperti berikut:

- 109
- (i) memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam;
 - (ii) memudaratkan atau mungkin memudaratkan kemoralan;
 - (iii) memudaratkan atau mungkin memudaratkan keselamatan;
 - (iv) mungkin menggemparkan fikiran orang ramai;
 - (v) berlawanan atau mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang;
 - (vi) memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam; dan
 - (vii) memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan negara.

Dalam hal ini, Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta melarang, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan, pencetakan, pengimportan, penghasilan, penghasilan semula, penerbitan, penjualan, pengeluaran, pengelilingan, pengedaran atau pemilikan hasil pengeluaran itu dan hasil-hasil pengeluaran masa hadapan penerbit yang berkenaan.